

# Bendahari, JPP UMS adakan Seminar Pengurusan Nilai

DE 1.11.2013 7

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui gabungan kerjasama Jabatan Bendahari dan Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP) mengadakan Seminar Pengurusan Nilai di Putrajaya pada Selasa lepas.

Seminar yang diadakan buat julung kalinya itu merupakan salah satu aktiviti sempena Mesyuarat Bendahari-bendahari Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang berlangsung pada Khamis.

Bendahari UMS, Tuan Haji Rizal Othman ketika menyampaikan ucapan aluannya berkata, adalah menja-

di harapan beliau agar setiap wakil IPTA yang mengambil bahagian mendapat manfaat dan berkongsi pengetahuan sepanjang seminar sehari itu berlangsung.

Beliau yang juga Pengerusi Mesyuarat Bendahari-Bendahari IPTA sesi 2013/2015 berkata, penganjuran seminar berkenaan adalah salah satu inisiatif UMS dalam menguruskan kos dan nilai dalam pembangunan universiti selaras dengan konsep Eko Kampus yang dinyatakan dalam Pelan Strategik UMS 2013-2017.

“Seminar sehari ini juga bertujuan

memberi pendedahan awal tentang pengurusan nilai dan juga Life Cycle Costing. Ia juga sebagai pendekatan pelbagai disiplin yang sistematik dan inovatif untuk mengkaji keperluan fungsi sesuatu program, perkhidmatan atau projek bagi mencapai nilai yang lebih baik dan kos lebih optimum tanpa menjejaskan tahap prestasi program atau projek tersebut,” ujarnya lagi.

Seminar yang disertai 55 wakil IPTA itu disampaikan oleh Prof. Adjung Sr. Dr. Mohd Mazlan Hj Che Mat dari syarikat rakan Eko Kampus UMS, MCM Value Sdn. Bhd.